

Muzium Padi sememangnya muzium yang harus dikunjungi oleh setiap orang yang ingin mengetahui sejarah penanaman padi dan segala yang berkaitan dengan padi. Jadi jika negeri Kedah menjadi destinasi pelancongan keluarga ketika musim cuti sekolah, tidak lengkap jika tidak singgah ke muzium ini yang banyak memberikan maklumat dan pengetahuan kepada semua terutamanya generasi masa kini yang tidak mengetahui mengenai asal usul penanaman padi yang terbesar di negeri ini sehingga ia dikenali sebagai negeri Jelapang Padi Malaysia.

Terletak di Gunung Keriang, muzium ini menunjukkan perkembangan penanaman padi yang menggunakan peralatan tradisional sehingga ke peralatan moden. Ia juga adalah muzium padi pertama yang terdapat di Malaysia dan yang keempat dibuka di dunia selepas Jepun, Jerman dan Filipina. Bangunan ini mempunyai seni bina yang unik dengan gambaran seperti padi yang telah dituai. Motif padi turut digunakan di seluruh bangunan muzium seperti di tangga, pintu masuk muzium dan pagar yang mengelilingi kawasan ini.

Muzium ini dibina bagi menunjukkan proses penanaman padi di Malaysia, dan pelbagai peralatan yang digunakan sejak bertahun lamanya. Terdapat juga mural padi, yang dihasilkan oleh 60 pelukis dari Korea Utara, iaitu yang menunjukkan sejarah penanaman padi di Malaysia.

Muzium Padi ini kini menjadi tarikan utama pelancongan di Kedah, yang turut dikenali sebagai Jelapang Padi Malaysia. Ia menggambarkan sejarah, cara hidup dan keunikan musim penanaman padi di Kedah Darul Aman.

Malah, pembinaan juga adalah sebagai menghormati aktiviti penanaman padi yang menyumbang kepada sejarah dan sosioekonomi penduduk di Kedah khasnya dan Malaysia amnya untuk menjadi tatapan generasi masa kini dan masa hadapan.

Muzium Padi

hargai aktiviti pertanian



● Alatan yang digunakan dalam penanaman dan pemrosesan padi dari zaman dahulu sehingga sekarang yang dipamerkan di aras satu.

● Lesung Hindik yang digunakan untuk menumbuk padi.

● Lukisan mural pemandangan sawah padi yang dilukis pelukis terkenal dari Korea Utara.

● Replika kerbau yang menjadi tarikan pengunjung.

Muzium ini mempunyai tiga aras yang mana di setiap aras itu terdapat pelbagai keistimewaan yang tersendiri

Aras satu

Yang menarik di aras ini adalah pameran-pameran alatan yang digunakan dalam penanaman dan pemrosesan dari zaman dahulu sehingga sekarang dan di pameran di sini. Antara alatan yang ditunjukkan adalah pisau pemotong padi, mesin yang memproses padi menjadi beras, dan banyak lagi.

Aras kedua

Aras seterusnya adalah aras ke 2. Di aras ini kita boleh melihat lukisan-lukisan menggambarkan pertanian penanaman padi. Di samping itu terdapat pameran makanan berasaskan beras dan di pameran antaranya kuih beras, ringi, emping, rempeyek dan banyak lagi.

Aras ketiga

Apa yang menarik di aras ini adalah keindahan panorama dalam bentuk mural dan landskap yang dihasilkan oleh pelukis dari Korea Utara. Pengunjung boleh menyaksikan pemandangan panorama keindahan padi itu sambil duduk di kerusi yang berpusing dan membawa anda melihat seluruh pemandangan di sekitar Gunung Keriang yang dilukiskan itu. Pelbagai kegiatan petani sedang bersawah dan kegiatan yang lain dapat dilihat melalui pemandangan lukisan itu.

Malah, di aras ini juga terdapat sebuah akuarium yang di dalamnya ada ikan-ikan hidup yang biasanya boleh ditemui di dalam petak-petak sawah

pada musim sawah berair. Antaranya ikan puyu, keli dan haruan.

Kemudahan kafeteria, kedai cenderamata turut disediakan Bagi pengunjung yang ingin menikmati makanan, di sini juga terdapat sebuah kafeteria yang disediakan di luar muzium itu. Pengunjung boleh makan dan minum di luar kawasan muzium sambil menikmati keindahan dan suasana kampung yang menyegarkan.

Malah bagi sesiapa yang ingin membeli cenderamata untuk dibawa pulang sebagai hadiah kepada rakan-rakan atau saudara-mara, di aras satu juga terdapat sebuah kedai yang menjual pelbagai cenderamata yang menarik. Antara yang dijual di situ ialah baju, hasil kraf tangan, makanan dan lain-lain lagi.

Cara ke Muzium Padi

Sekiranya anda memandu sendiri, dari bandar Alor Setar melalui jalan Sultanah kemudian membelok masuk ke jalan Suka Menanti. Apabila sampai di persimpangan (simpang tiga) membelok ke kiri dan jalan terus sehingga anda jumpa papan tanda di sebelah kanan yang menunjukkan arah Muzium Padi (lebih kurang 4 - 5 kilometer). Jika anda menggunakan pengangkutan awam, lebih mudah jika menyewa teksi kerana tiada pengangkutan awam seperti bas yang melalui muzium.

Waktu operasi dan bayaran

Waktu operasi ialah bermula jam 9 pagi hingga 5 petang dan ia dibuka setiap hari kepada pengunjung. Bayaran masuk adalah RM3 bagi dewasa, RM1 untuk kanak-kanak dan RM2 untuk